

BAB 5

KATA KERJA BAHASA JEPUN

5.0 PENDAHULUAN

Kata kerja bahasa Jepun merupakan kata terikat yang berkonjugasi dan berfungsi sebagai predikat ayat. Kata kerja bahasa Jepun menunjukkan perbuatan, perlakuan, pergerakan, keadaan, kewujudan dan sebagainya.

Terdapat beberapa ciri utama dalam kata kerja bahasa Jepun seperti berikut:

1. Susunan Kata - Kedudukan kata kerja dalam bahasa Jepun adalah di akhir ayat, iaitu dalam susunan kata SOV [(S) subjek (O) objek dan (V) kata kerja] seperti yang dapat dilihat pada contoh di bawah,

Tanaka-san wa uchi de gohan o tabemasu.

[Cik Tanaka] [partikel] [tempat] [partikel] [objek] [partikel] [kata kerja transitif]

(Cik Tanaka makan nasi di rumah)

2. Penggunaan Konjugasi – Dalam bahasa Jepun, sungguhpun kata kerja mempunyai konjugasi tetapi ia berlainan daripada imbuhan yang terdapat dalam bahasa Melayu atau infleksi bahasa-bahasa Eropah yang berubah mengikut kata ganti diri, kala, bilangan dan lain-lain.

Contoh:

昨日田舎へ帰った。 *Kinou inaka e kaetta.*

(Semalam saya pulang ke kampung)

Pertukaran kata kerja 帰る *kaeru* kepada 帰った *kaetta* dalam contoh di atas menunjukkan kala lampau.

3. Penggunaan kata kerja tanpa subjek atau ganti nama diri – Kata kerja bahasa Jepun biasanya digunakan tanpa subjek atau ganti nama diri terutama bila subjek sudah diketahui dalam konteks ayat. Contohnya, kata kerja *mimasu* menerangkan perbuatan melihat ataupun adanya perbuatan melihat dan tidak ada perhubungan dengan orang yang membuatnya.

5.1 KATEGORI GRAMATIS DALAM BAHASA JEPUN

Berikut dibincangkan beberapa kategori gramatis BJ kerja kerja dan beberapa ciri penting yang perlu diambil kira dalam penggunaan kata kerja BJ sama ada dalam gaya bahasa pertuturan mahu pun bahasa lisan.

5.1.1 Kategori Gramatis Genus

Secara amnya, dalam keadaan formal gaya pertuturan antara lelaki dan perempuan tidak banyak perbezaan tetapi pada keadaan biasa, perbezaan gaya pertuturan antara lelaki dan perempuan lebih ketara (Kindaichi, 1978, hlm.72). Dalam pemilihan kosa kata misalnya, penutur lelaki menggunakan perkataan *boku* dan *kimi* untuk gantikanama ‘saya’ dan ‘awak’, sementara penutur perempuan memilih perkataan yang lebih sopan dan lembut bunyinya iaitu *watashi* dan *anata* dan pada sesetengah perkataan, penutur perempuan menggunakan awalan *o* dan *go* untuk menunjukkan sikap yang sopan dan lembut. Walau bagaimanapun, awalan *o* dan *go* juga boleh digunakan oleh kedua-dua jantina untuk maksud sikap kesopanan dan sikap hormat kepada orang disapa (Maynard, 1993, hlm. 138-139). Penutur lelaki pula sering menggunakan partikel akhir (*shuujoshi*) seperti *da*, *zo* dan *na* pada kata kerja tak formal dengan gaya yang lebih bersahaja. Sementara itu, penambahan partikel akhir pada kata kerja yang digunakan seperti *wa*, *wa yo*, *no*, *no yo*, *da wa*, dan *kashira* dapat memberikan tanda kelembutan yang dituturkan oleh wanita (Inoue, 2003).

5.1.2 Kategori Gramatis Perorangan

Perorangan ditakrifkan sebagai kategori gramatis yang berdasarkan hubungan antara penutur dan pendengar (Associated Content, 2007 dalam Nyuyen Thi Truc Vy, 2009, hlm. 4). Di dalam BI misalnya, kategori perorangan yang menentukan jika seseorang itu sedang bercakap, atau orang sedang bercakap dengan, atau sedang dicakapkan dalam ayat, cerita, artikel dan sebagainya. Justeru itu, dalam gramatis BI, terdapat kategori orang yang pertama, kedua, dan ketiga. Penggunaan kata kerja akan berubah berdasarkan kategori orang pertama, kedua dan ketiga ini di samping bilangan perorangan itu sama ada tunggal atau mufrad. Atau dalam kata lain kata kerja BI berinfleksi berdasarkan perorangan sebagaimana yang dapat lihat dalam contoh berikut,

I go, you go, she goes, we go, atau they go.

Sebaliknya dalam kata kerja BJ tidak berkonjugasi berdasarkan perorangan: [する-*suru*] boleh bermaksud *I do, you do, he does, she does, it does, we do* atau *they do*. Ini kerana kata ganti nama dalam BJ jarang ditunjukkan dalam ayat. Orang Jepun mengetahui subjek kepada sesuatu kata kerja berdasarkan konteks dan aras kesopanan. Terdapat banyak kata kerja yang mempunyai bentuk yang betul-betul berbeza apabila digunakan secara merendah diri atau honorifik, seperti [まいります- *mairimasu*]= Seseorang (sama ada saya atau seseorang dalam kumpulan saya) pergi (merendah diri) dan [いらっしゃいます- *irasshaimasu*] = Seseorang (sama ada awak atau seseorang yang bukan dari kumpulan saya) pergi (*honorific*).

Terdapat empat tahap kesopanan dalam BJ seperti berikut:

- a) Tak formal- digunakan dikalangan ahli keluarga, kawan-kawan rapat atau kepada inferior.
- b) Sopan/formal-digunakan dikalangan selain daripada kawan-kawan rapat dan ahli keluarga, juga digunakan apabila bercakap dengan orang atasan/superior

- c) Merendah diri- digunakan apabila merujuk pada diri sendiri atau ahli keluarga dalam situasi yang formal.
- d) Honorifik- digunakan oleh pekedai kepada pelanggannya, dan juga digunakan pada Maharaja, Pengarah atau Perdana Menteri.

(Lyons, 2002, hlm. 1)

5.1.3 Kategori Gramatis Kala dan Aspek

Sistem kala dalam BJ tidak sama dengan kala lampau, kala kini dan kala depan sebagaimana dalam BI. Kala kini dalam BJ digunakan untuk menjelaskan perbuatan yang masih belum selesai, manakala dalam BI, kala kini menjelaskan perbuatan kala kini dan kala depan: [い< -iku]= *I go* atau *I will go*. Kala lampau dalam BJ pula, digunakan untuk menjelaskan perbuatan yang sudah selesai, sementara kala lampau dalam BI, menjelaskan perbuatan kala lampau sempurna atau kala kini sempurna: [いっ< -itta] = *I went* atau *I have gone*.

Kata kerja BJ selalunya tidak mempunyai aspek yang implisit seperti kata kerja dalam BI. Walau bagaimanapun menurut Kudo (dalam Nyuyen Thi Truc Vy, 2009, hlm. 7), bentuk aspek dalam BJ terdiri daripada 'suru', 'shita', 'shite iru' dan 'shite ita', di mana makna dan fungsinya juga berkait dengan kala, aspek dan *mood*.

**Jadual 5.1: Sistem Kala-Aspek dalam BJ
(Kudo, 1995, hlm.161-terjemahan pengkaji)**

Had Temporal/Mood	Konkrit/Sebenar			Abstrak/Potensi	
	kala	lengkap	berterusan	sempurna	berulang
kala depan		<i>suru</i>	<i>shiteiru</i>	<i>shiteiru</i>	/ <i>suru</i>
kala kini		/	<i>shiteiru</i>	<i>shiteiru/shiteita</i>	<i>shiteiru</i> <i>suru</i>
kala lampau		<i>shita</i>	<i>shiteita</i>	<i>shiteita</i>	<i>shiteita</i> <i>shita</i>

Berdasarkan jadual 5.1, jelas menunjukkan bahawa setiap morfologi di atas mempunyai makna atau fungsi yang melebihi daripada satu. Aspek lengkap dan aspek berterusan merupakan dua maksud asas (*two basic meanings*) dalam rujukan masa ini. Namun begitu, penggunaan sebenar kedua-duanya agak mengelirukan kerana wujudnya kata kerja semantik dan tatabahasa atau hubungan makna dalam bahasa. Aspek sempurna dan aspek ulangan pula merupakan makna pertengahan (*secondary meaning*) dalam rujukan masa kini dan banyak bergantung kepada teks. Selain itu, bentuk yang berlainan boleh menyampaikan erti yang sama. Aspek sempurna boleh diwakili oleh kedua-dua *shiteiru* dan *shita*. Sementara kedua-dua *shiteiru* dan *suru* pula boleh menyampaikan maksud aspek ulangan.

5.1.4 Kategori Gramatis Voice

Menurut penerangan Nyuyen Thi Truc Vy (2009, hlm. 12), dalam membandingkan kategori gramatis *voice* antara BJ dan BI, penggunaan kata bantu kata kerja *to be* dalam BI akan menjadikan kata kerja itu pasif: *I eat, I am eaten*. Pembentukan klausa aktif *voice* kepada pasif *voice* dalam BI ialah dengan menukarkan fungsi gramatis antara subjek dan objek. Objek pada ayat akan ditukar menjadi subjek, manakala subjek pula bertukar menjadi pelengkap ayat. Maka ayat aktif, *The cat ate the mouse* akan diberi padanan ayat pasif nya, iaitu *The mouse was eaten by the cat*. *The cat* di sini berfungsi sebagai objek ayat aktif, bertukar menjadi subjek ayat pasif, dan *the cat* sebagai subjek dalam ayat aktif akan bertukar menjadi sebahagian daripada frasa sendi nama dalam ayat pasif. Dan kata kerja *ate* dalam ayat aktif akan digantikan dengan frasa kata kerja *was eaten* dalam ayat pasif.

Sementara itu, dalam BJ penggunaan infleksi berbeza pada kata kerja: [たべる-*taberu*、たべられる-*taberareru*]. Bentuk pasif dalam BJ mirip bentuk kata kerja aktif, dengan penambahan /-(r)*are*-/ pada kata dasar. Kadang kala penggunaan bentuk pasif dalam ayat aktif dalam perbualan sopan atau menjelaskan perbuatan dalam nuansa kurang bernasib baik.

5.2 KATA KERJA TRANSITIF DAN TAK TRANSITIF

Menurut Thaiyibah dan Kami (1997, hlm.127-135), kata kerja transitif (*tadoushi* 他動詞) dalam BJ memerlukan objek yang ditandakan dengan partikel *o* を, sementara kata kerja tak transitif (*jidoushi* 自動詞) tidak memerlukan objek.

Contoh:

- i. Ayat kata kerja transitif.

<i>Jikan</i>	<i>o</i>	<i>kimeru.</i> (menentukan masa)
(時間)	を	決める)
↓	↓	↓
(objek)	(partikel)	(kata kerja transitif)

Ayat di atas menunjukkan *jikan* sebagai objek yang ditandakan partikel *o* untuk kata kerja transitif *kimeru*.

- ii. Ayat kata kerja tak transitif.

<i>Jikan</i>	<i>ga</i>	<i>kimaru.</i> (masa ditentukan)
(時間)	が	決まる)
↓	↓	↓
(subjek)	(partikel)	(kata kerja transitif)

Ayat di atas menunjukkan *jikan* sebagai subjek yang dibantu oleh partikel *ga* untuk kata kerja tak transitif *kimaru*.

Tambah Thaiyibah dan Kami (1997, hlm.127-135) lagi, sekiranya dalam bahasa Melayu, kata kerja dasar yang diberi awalan *ber-* akan bersifat tak transitif. Sementara kata kerja dasar yang sama apabila diberi awalan *men-* yang disertai oleh akhiran *-kan* dan *-i* pula akan bersifat transitif. Tetapi dalam bahasa Jepun kata kerja transitif dan kata kerja tak transitif adalah merupakan kata kerja yang berlainan. Biasanya kata kerja transitif dan kata kerja tak transitif bahasa Jepun banyak yang berpasangan. Seperti contoh dalam jadual berikut:

Jadual 5.2: Pasangan kata kerja transitif dan kata kerja tak transitif

Kata kerja transitif <i>tadoushi</i> 他動詞	Kata kerja tak transitif <i>jidoushi</i> 自動詞
<i>kimeru</i> 決める (menetapkan)	<i>kimaru</i> 決まる (ditetapkan)
<i>toomeru</i> 止める (memberhentikan)	<i>tomaru</i> 止まる (berhenti)
<i>akeru</i> 開ける (membuka)	<i>aku</i> 開く (terbuka)
<i>okosu</i> 起こす (membangunkan)	<i>okiru</i> 起きる (bangun)
<i>kowasu</i> 壊す (merosakkan)	<i>kowareru</i> 壊れる (rosak)

Menurut Ishii et.al (1995, hlm.26-28), terdapat juga kumpulan kata kerja tak transitif yang menggunakan partikel *o* sebagaimana contoh di bawah. Kumpulan kata kerja tak transitif ini biasanya membawa maksud yang merujuk kepada pergerakan. Penggunaan partikel *o* pula menunjukkan bahawa pergerakan yang melalui kawasan yang dimaksudkan.

Contoh,

- Watashi wa kouen made hashirimashita.* 私は公園まで走りました。
(Saya berlari sehingga ke taman)
- Watashi wa go-fun de kousu o hashirimashita.* 私は5分でコースをはしりました
(Saya berlari lima minit melalui padang)

Tambah mereka lagi, ada juga kes dimana satu kata kerja bertindak sebagai kata kerja transitif dan kata kerja tak transitif seperti contoh berikut. Kata kerja ini membawa makna yang berbeza bagi kedua-dua jenis kata kerja.

Contoh,

- a. *Shigoto ni isogu.* (仕事に急ぐ)
Tergesa-gesa untuk bekerja
- b. *Shigoto o isogu.* (仕事を急ぐ)
Bekerja dengan **cepat**.

Sementara itu Tsujimura (1996, hlm.129-131) telah menghuraikan perkaitan morfologi pada pasangan kata kerja transitif dan kata kerja tak transitif. Menurut beliau, kata kerja transitif dan kata kerja tak transitif boleh dihasilkan dengan penambahan akhiran kepada kata kerja dasar sebagaimana yang dapat dilihat dalam contoh di bawah;

Jadual 5.3 : Perkaitan akhiran kata kerja dasar yang membentuk kata kerja transitif dan kata kerja tak transitif.

Kata kerja transitif <i>tadoushi</i> 他動詞	Kata kerja tak transitif <i>jidoushi</i> 自動詞
<i>tao-su</i> 倒す menumbangkan	<i>tao-re</i> 倒れ tumbang
<i>naga-su</i> 流す mengalirkan	<i>naga-re</i> 流れ aliran
<i>nao-su</i> 直す membaiki	<i>nao-ru</i> 直る baik
<i>noko-su</i> 残す meninggalkan	<i>noko-ru</i> 残る tinggal
<i>tasu-ke</i> 助け membantu	<i>tasuka-ru</i> 助かる terbantu
<i>sa-ge</i> 下げ menurunkan	<i>saga-ru</i> 下がる turun
<i>oko-su</i> 起こす membangunkan	<i>oki-ru</i> 起きる bangun
<i>oto-su</i> 落とす menjatuhkan	<i>ochi-ru</i> 落ちる jatuh

Tambah beliau lagi, setiap pasangan kata kerja transitif dan kata kerja tak transitif berkongsi kata kerja dasar seperti *tao*, *nao*, *tasu* dan *oko* (contoh di atas). Akhiran *-su/-re*, *-su/-ru*, *-ke/-ru* dan *-su/-ru* ditambah pada kata kerja dasar untuk membentuk pasangan kata kerja transitif dan kata kerja tak transitif.

Menurut Jacobsen (1981, dalam Tsujimura, 1996, hlm.129) pula, akhiran pada pasangan kata kerja transitif dan tak transitif tidak terhad pada contoh di atas sahaja, ada lagi akhiran yang boleh ditemui. Tambah beliau lagi ia tidak ketahui apakah sebabnya akhiran tertentu untuk kata kerja dasar tertentu sahaja. Walau bagaimanapun akhiran yang boleh membentuk kata kerja dasar kepada kata kerja transitif dan tak transitif dalam BJ adalah terhad, malahan dengan mengenal akhiran kita boleh mengetahui yang mana kata kerja transitif dan yang mana kata kerja tak transitif.

5.3 KATA KERJA MEMBERI DAN MENERIMA (授受表現-JUJUHYOUGEN)

Dalam kata kerja BJ terdapat tiga pasangan kata kerja yang digunakan untuk menerangkan perbuatan **memberi** dan **menerima**. Sepasang kata kerja sahaja yang digunakan untuk perbuatan **menerima** dan yang dua pasang lagi digunakan untuk **memberi**. Penggunaannya agak kompleks berbanding penggunaan dalam bahasa Inggeris kerana ia bukan sahaja mengambil kira hubungan antara pemberi dan penerima, malah juga hubungan antara penutur dan pihak yang terlibat. Ini dipanggil sebagai **empati penutur** dan merujuk kepada pengenalan penutur terhadap orang/benda yang terlibat dalam acara yang dideskripsikan oleh penutur. Apabila penutur ialah penerima atau seseorang yang rapat dengan penerima (seperti ahli keluarga) dan ingin menerangkan tentang perbuatan memberi, kata kerja *くれる-kureru* atau *くださる-kudasaru* akan digunakan dan jika penutur adalah pemberi atau penerima (pihak

neutral), maka kata kerja やる-*yaru* dan あげる-*ageru* digunakan. Penggunaan setiap pasangan kata kerja ditentukan mengikut status sosial pemberi berbanding penerima. Ini bermakna sama ada pemberi adalah *meshita* [目下], orang bawahan/inferior] atau *meue* [目上, orang atasan/superior]. Dalam kes yang melibatkan perbuatan memberi dan menerima, seseorang seharusnya sentiasa menganggap bahawa ahli keluarga adalah inferior apabila pihak yang satu lagi (pendengar) tiada hubungan dengannya (rujuk Jadual 5.5) .

G= pemberi

R= penerima

G<R = pemberi adalah inferior kepada penerima

Jadual 5.4: Memberi (Penerima)
(Lyons, 2002, hlm. 20 –terjemahan pengkaji)

Status	Pemberi	Partikel	Penerima	Partikel	K.kerja	Penggunaan
G<R	he/she they/you	が	to me/us to him/ her to they/ you	に	くれる (<i>kureru</i>)	くれる dan くださる digunakan bila penutur adalah penerima atau mempunyai hubungan rapat dengan penerima
G>R					くださる (<i>kudasaru</i>)	

1. *Koinu ga watashi ni booru o kuremashita*
子犬が私にボールをくれます。

(Anak anjing memberi saya bola)

(G<R, penutur adalah penerima)

2. *Sensei ga haha ni tsuushinbo o kudasaimashita*
先生が母に通信簿をくださいました。

(Guru memberi emak saya kad laporan)

(G>R, penutur mempunyai hubungan rapat dengan penerima)

Walau bagaimanapun, peraturan ini dikecualikan apabila pemberi ialah ahli keluarga, tetapi pendengar (orang yang bercakap dengan kita) bukan ahli keluarga. Sebaliknya, peraturan masih diikuti apabila kita bercakap dengan ahli keluarga.

3. *Chichi ga otouto ni booru o kuremashita*

父が弟にボールをくれました。

(Bapa saya memberi adik lelaki saya bola)

(G>R but pendengar bukan ahli keluarga)

4. *Otousan ga otouto ni booru o kudasaimashita.*

お父さんが弟にボールをくださいました。

(Bapa memberi adik lelaki bola)

(G>R dan pendengar adalah ahli keluarga)

**Jadual 5.5: Memberi (Pemberi atau Pihak yang Neutral)
(Lyons, 2002, hlm. 21 –terjemahan pengkaji)**

status	pemberi	partikel	penerima	partikel	k.kerja	penggunaan
G>R	I/We He/She They/ you	は	to him/ her to they/ you	に	やる (yaru)	やる dan あげる di gunakan bila penutur adalah pemberi atau pihak yang neutral
G?R*					あげる (ageru)	

1. *Watashi wa koinu ni gohan o yarimashita.*

私は子犬にご飯をやりました。

(Saya memberi anak anjing makan)

(G>R, penutur adalah pemberi)

2. *Watashi wa sensei ni hon o agemashita.*

私は先生に本をあげました。

(Saya memberi guru buku)

(G<R, penutur adalah pemberi)

- Situasi やる -*yaru* digunakan adalah lebih ketat berbanding くれる -*kureru* dan もらう -*morau* kerana ia digunakan apabila penerimanya bukanlah penutur. Apa yang perlu diingat adalah penggunaan やる -*yaru* apabila penerima tanpa diragui adalah inferior (anak, adik-beradik yang lebih muda, binatang peliharaan atau benda yang tidak bernyawa) dan menggunakan あげる -*ageru* pada semua kes lain:

3. *Tanaka-san ga Yamada-san ni hana o agemashita.*

田中さんが山田さんに花をあげました。

(Encik Tanaka memberi bunga kepada Cik Yamada)

(G?R, penutur adalah pihak neutral)

Jadual 5.6: Menerima
(Lyons, 2002, hlm. 21 –terjemahan pengkaji)

status	pemberi	partikel	penerima	partikel	k.kerja	penggunaan
R>G	I/We He/She They/ you	は	from him/her, from them, from you	に or から	もらう (<i>morau</i>)	もらう dan いただく di gunakan pada semua perbuatan menerima tanpa mengira empati penutur
R<G					いただく (<i>itadaku</i>)	

1. *Watashi wa koinu ni booru o moraimashita.*

私は子犬にボールをもらいました。

(Saya menerima bola daripada anak anjing) [R>G]

2. *Gakusei wa sensei ni shukudai o itadakimashita.*

学生は先生に宿題を頂きました。

(Saya menerima kerja rumah daripada cikgu) [R<G]

Seperti penggunaan くれる/くださる -*kureru/kudasaru*, pengecualian peraturan

apabila pemberi adalah di kalangan ahli keluarga, dan pendengar adalah bukan ahli

keluarga. Walau bagaimanapun, peraturan ini diikuti apabila pendengar adalah ahli keluarga:

3. *Imouto wa kono omocha o chichi kara moraimashita.*
妹はこのおもちゃを父からもらいました。

(Adik perempuan saya menerima mainan ini daripada ayah).

(R<G, tetapi pendengar bukan ahli keluarga)

4. *Imouto wa kono omocha o otousan kara itadakimashita.*
妹はこのおもちゃをお父さんから頂きました。

(Adik perempuan menerima mainan ini daripada ayah)

(R<G dan pendengar adalah ahli keluarga)

Konsep ini turut dilaksanakan untuk kata kerja terikat pada kata kerja-kata kerja daripada kumpulan ini, misalnya kata kerja 持ってあげる-*motte ageru*, 来てくれる-*kite kureru*, 買ってもらう-*katte morau* dan sebagainya. Namun ia tidak membawa maksud “memberi atau menerima sesuatu” sebaliknya ‘memberi atau menerima pertolongan’ (Thaiyibah dan Kami, 1997, hlm. 166-169)

5.4 PENGKELASAN BENTUK KATA KERJA BAHASA JEPUN

5.4.1 Pengkelasan Bentuk Kata Kerja BJ oleh Thaiyibah dan Kami (1997)

Thaiyibah dan Kami (1997, hlm.106-114) telah membahagikan kata kerja BJ kepada tiga (3) kumpulan utama berdasarkan jenis konjugasi dan cara pembentukannya. Sementara itu, daripada ketiga-tiga kumpulan kata kerja tersebut dikelasifikasikan pula kumpulan kata kerja yang mengikut aturan dan kumpulan kata kerja yang tidak mengikut aturan seperti berikut;

Kata Kerja Mengikut Aturan

Terdiri daripada:

- 1) Kumpulan kata kerja I 五段活用動詞 *go-dankatsuyoudoushi*

- 2) Kumpulan kata kerja II
- a. イ段活用動詞 *i-dankatsuyoudoushi*
- b. エ段活用動詞 *e-dankatsuyoudoushi*

Kata Kerja Tidak Mengikut Aturan

- 3) Kumpulan kate kerja III 変格活用動詞 *henkakukatsuyoudoushi*

Berikut diberikan contoh konjugasi bagi semua kumpulan kata kerja yang telah disebutkan di atas.

a. Kumpulan kata kerja 1

Jadual 5.7 : Kumpulan Kata Kerja 1

makna	bahagian tidak berubah	bahagian yang berubah mengikut bentuk					
		bentuk negatif -ない -nai	bentuk sopan -ます -masu	bentuk kamus	bentuk andaian -ば -ba	bentuk perintah	bentuk kecenderungan -う/よう -u/you
		ア段 a-dan	イ段 i-dan	ウ段 u-dan	エ段 e-dan	エ段 e-dan	オ段 o-dan
tulis	書 ka	か <i>ka</i>	き <i>ki</i>	く <i>ku</i>	け <i>ke</i>	け <i>ke</i>	こ <i>ko</i>
padam	消 ke	さ <i>sa</i>	し <i>shi</i>	す <i>su</i>	せ <i>se</i>	せ <i>se</i>	そ <i>so</i>
menang	勝 ka	た <i>ta</i>	ち <i>chi</i>	つ <i>tsu</i>	て <i>te</i>	て <i>te</i>	と <i>to</i>
mati	死 shi	な <i>na</i>	に <i>ni</i>	ぬ <i>nu</i>	ね <i>ne</i>	ね <i>ne</i>	の <i>no</i>
main	遊 aso	ば <i>ba</i>	び <i>bi</i>	ぶ <i>bu</i>	べ <i>be</i>	べ <i>be</i>	ぼ <i>bo</i>
baca	読 yo	ま <i>ma</i>	み <i>mi</i>	む <i>mu</i>	め <i>me</i>	め <i>me</i>	も <i>mo</i>
ambil	取 to	ら <i>ra</i>	り <i>ri</i>	る <i>ru</i>	れ <i>re</i>	れ <i>re</i>	ろ <i>ro</i>
jumpa	会 a	わ <i>wa</i>	い <i>i</i>	う <i>u</i>	え <i>e</i>	え <i>e</i>	お <i>o</i>

Berdasarkan jadual di atas, bahagian yang bertulisan kanji (bertulisan tebal) ialah bahagian kata kerja yang tidak bertukar, sementara bahagian-bahagian yang seterusnya adalah bahagian kata kerja yang berubah (konjugasi) mengikut bentuk-bentuk tertentu.

Berikut adalah penerangan terperinci tentang perubahan konjugasi yang berlaku pada dua contoh kata kerja, iaitu:

- a) 書く kaku (tuliskan) dan,
- b) 消す kesu (padam).

Jadual 5.8 : Contoh Pertukaran Konjugasi pada Dua Contoh Kumpulan Kata Kerja 1.

bentuk negatif -ない <i>-nai</i>	bentuk sopan -ます <i>-masu</i>	bentuk kamus	bentuk andaian -ば <i>-ba</i>	bentuk perintah	bentuk kecenderungan -う/よう <i>-u/you</i>
ア段 <i>a- dan</i>	イ段 <i>i-dan</i>	ウ段 <i>u-dan</i>	エ段 <i>e-dan</i>	エ段 <i>e-dan</i>	オ段 <i>o-dan</i>
書かない <i>kakanai</i>	書きます <i>kakimasu</i>	書く <i>kaku</i>	書けば <i>kakeba</i>	書け <i>kake</i>	書こう <i>kakou</i>
消さない <i>kesanai</i>	消します <i>keshimasu</i>	消す <i>kesu</i>	消せば <i>keseba</i>	消せ <i>kese</i>	消そう <i>kesou</i>

Bahagian yang tidak berubah : 1) 書 *ka*

2) 消 *ke*

Bahagian yang berubah 1) か *ka* き *ki* く *ke* け *ko* こ *ko*

2) さ *sa* し *shi* す *se* せ *se* そ *so*

Penambahan kata kerja bantu -ない *-nai* -ます *-masu* -う *-u (o)*, dan partikel -ば *-ba* pada kata kerja adalah untuk menukarkan sesuatu kata kerja itu menjadi bentuk yang dikehendaki, seperti bentuk negatif, bentuk andaian dan sebagainya.

b. Kumpulan kata kerja II

Kumpulan kata kerja ini telah dibagi kepada dua iaitu;

- a. イ段活用動詞 *i-dankatsuyoudoushi*

Jadual 5.9: Contoh Kumpulan kata kerja II

イ段活用動詞 *i-dankatsuyoudoushi*

makna	bahagian tidak berubah	bahagian yang berubah mengikut bentuk					
		bentuk negatif -ない <i>-nai</i>	bentuk sopan -ます <i>-masu</i>	bentuk kamus	bentuk andaian -ば <i>-ba</i>	bentuk perintah	bentuk kecenderungan -う/よう <i>-u/you</i>
		イ段 <i>i-dan</i>	イ段 <i>i-dan</i>	イ段 <i>i-dan</i>	イ段 <i>i-dan</i>	イ段 <i>i-dan</i>	イ段 <i>i-dan</i>
ada	-	い <i>i</i>	い <i>i</i>	いる <i>iru</i>	いれ <i>ire</i>	いろ <i>iro</i>	い <i>i</i>
boleh	で <i>de</i>	き <i>ki</i>	き <i>ki</i>	きる <i>kiru</i>	きれ <i>kire</i>	きろ <i>kiro</i>	き <i>ki</i>
lihat	-	み <i>mi</i>	み <i>mi</i>	みる <i>miru</i>	みれ <i>mire</i>	みろ <i>miro</i>	み <i>mi</i>
turun	降 <i>o</i>	り <i>ri</i>	り <i>ri</i>	りる <i>riru</i>	りれ <i>rire</i>	りろ <i>riro</i>	り <i>ri</i>

Berikut adalah penerangan terperinci tentang perubahan konjugasi yang berlaku pada dua contoh kata kerja, iaitu:

- a) いる *iru* (ada) dan,
b) できる *dekiru* (boleh)

Jadual 5.10 Contoh Pertukaran Konjugasi pada Dua Contoh Kumpulan Kata kerja II

bentuk negatif -ない <i>-nai</i>	bentuk sopan -ます <i>-masu</i>	bentuk kamus	bentuk andaian -ば <i>-ba</i>	bentuk perintah	bentuk kecenderungan -う/よう <i>-u/you</i>
イ段 <i>i-dan</i>	イ段 <i>i-dan</i>	イ段 <i>i-dan</i>	イ段 <i>i-dan</i>	イ段 <i>i-dan</i>	イ段 <i>i-dan</i>
いない <i>inai</i>	います <i>imasu</i>	いる <i>iru</i>	いれば <i>ireba</i>	いろ <i>iro</i>	いよう <i>iyou</i>
できない <i>dekinai</i>	できます <i>dekimasu</i>	できる <i>dekiru</i>	できれば <i>dekireba</i>	できろ <i>dekiro</i>	できよう <i>dekiyou</i>

Bahagian yang tidak berubah : 1) -

2) で *de*

Bahagian yang berubah 1) い *i* い *i* いる *iru* いれ *ire* いろ *iro* い *i*

2) き *ki* き *ki* きる *kiru* きれ *kire* きろ *kiro* き *ki*

Hanya bunyi i-dan sahaja yang digunakan dalam bahagian kata kerja yang berubah.

Oleh kerana itu kumpulan kata kerja ini dinamakan イ段活用動 *i-dankatsuyoudoushi* atau 上一段活用動 *kamiichidankatsuyoudoushi*.

b. エ段活用動詞 *e-dankatsuyoudoushi*

Jadual 5.11: Contoh Kumpulan kata kerja II
エ段活用動詞 *e-dankatsuyoudoushi*

makna	bahagian tidak berubah	bahagian yang berubah mengikut bentuk					
		bentuk negatif -ない <i>-nai</i>	bentuk sopan -ます <i>-masu</i>	bentuk kamus	bentuk andaian -ば <i>-ba</i>	bentuk perintah	bentuk kecenderungan -う/よう <i>-u/you</i>
		エ段 <i>e-dan</i>	エ段 <i>e-dan</i>	エ段 <i>e-dan</i>	エ段 <i>e-dan</i>	エ段 <i>e-dan</i>	エ段 <i>e-dan</i>
makan	食 <i>ta</i>	べ <i>be</i>	べ <i>be</i>	べる <i>beru</i>	べれ <i>bere</i>	べろ <i>bero</i>	べ <i>be</i>
tutup	閉 <i>shi</i>	め <i>me</i>	め <i>me</i>	める <i>meru</i>	めれ <i>mere</i>	めろ <i>mero</i>	め <i>me</i>
penat	疲 <i>tsuka</i>	れ <i>re</i>	れ <i>re</i>	れる <i>reru</i>	れれ <i>rere</i>	れろ <i>rero</i>	れ <i>re</i>
keluar	-	で <i>de</i>	で <i>de</i>	でる <i>deru</i>	でれ <i>dere</i>	でろ <i>dero</i>	で <i>de</i>

Berikut adalah penerangan terperinci tentang perubahan konjugasi yang berlaku pada dua contoh kata kerja, iaitu:

a) 食べる *taberu* (makan) dan,

b) 疲れる *tsukareru* (penat)

Jadual 5.12: Contoh Pertukaran Konjugasi pada dua contoh Kumpulan Kata Kerja II

bentuk negatif -ない -nai	bentuk sopan -ます -masu	bentuk kamus	bentuk andaian -ば -ba	bentuk perintah	bentuk kecenderungan -う/よう -u/you
エ段 e-dan	エ段 e-dan	エ段 e-dan	エ段 e-dan	エ段 e-dan	エ段 e-dan
食べない tabenai	食べます tabemasu	食べる taberu	食べれば tabereba	食べろ tabero	食べよう tabeyou
疲れしない tsukarenai	疲れします tsukaremasu	疲れる tsukareru	疲れれば tsukarereba	疲れろ tsukarero	疲れよう tsukareyou

Bahagian yang tidak berubah : 1) 食 ta

2) 疲 tsuka

Bahagian yang berubah 1) べ be べ be べる beru べれ bere べろ bero べ be

2) れ re れ re れる reru れれ rere れろ reroo れ rei

Hanya bunyi e-dan sahaja yang digunakan dalam bahagian kata kerja yang berubah.

Oleh kerana itu kumpulan kata kerja ini dinamakan エ段活用動 e-dankatsuyoudoushi

atau 下一段活用動 shimoichidankatsuyoudoushi.

c. Kumpulan kata kerja III

Kumpulan kata kerja III yang disebut sebagai 変格活用動詞 henkakukatsuyoudoushi

adalah seperti berikut;

Jadual 5.13: Kumpulan kata kerja III

makna	bahagian tidak berubah	bahagian yang berubah mengikut bentuk					
		bentuk negatif -ない -nai	bentuk sopan -ます -masu	bentuk kamus	bentuk andaian -ば -ba	bentuk perintah	bentuk kecenderungan -う/よう -u/you
		ア段 a-dan	イ段 i-dan	ウ段 u-dan	エ段 e-dan	エ段 e-dan	オ段 o-dan
datang	-	こ ko	き ki	くる kuru	くれ kure	こい koi	こ ko
membuat	-	し shi	し shi	する suru	すれ sure	しろ shiro	し shi

Kumpulan ini hanya mengandung dua kata kerja sahaja. Pertukaran konjugasi yang berlaku pada kata kerja kumpulan ini juga tidak mengikut peraturan sebagaimana yang sepatutnya.

Kumpulan-kumpulan kata kerja yang di hurai oleh Thaiyibah dan Kami (1996, hlm.106-114) di atas bersesuaian kepada mereka yang mempelajari bahasa Jepun dengan tulisannya sekali. Tetapi kepada mereka yang kurang berkemahiran dengan tulisan Jepun terutamanya kepada orang asing, pendekatan sebegini agak sukar untuk difahami.

5.4.2 Pengkelasan Bentuk Kata Kerja Bahasa Jepun oleh Ishii et. al (1995)

Oleh kerana itu, Ishii et. al (1995) telah menyarankan cara bagaimana membahagi kata kerja BJ kepada tiga kumpulan berdasarkan pertukaran konjugasinya mengikut ejaannya dalam huruf rumi. Kumpulan-kumpulan ini adalah;

Kumpulan kata kerja I : Konjugasi dengan menggugurkan huruf ‘u’

Kumpulan kata kerja II: Konjugasi dengan menggugurkan huruf ‘ru’

Kumpulan kata kerja III: Konjugasi yang tidak mengikut peraturan.

Kata kerja-kata kerja ini akan dilihat pada kata dasarnya untuk mengetahui ia daripada kumpulan kata kerja yang mana seperti yang dapat dilihat berikut;

a) Kumpulan kata kerja I

Semua kata kerja yang mempunyai pengakhirannya selain daripada *-eru* atau *-iru*, adalah tergolong dalam kumpulan kata kerja I apabila ia dalam **bentuk kamus**. Ini tidak termasuk kata kerja *suru* dan *kuru*. Kata kerja dalam kumpulan ini mudah untuk dikenali. Sebagaimana yang dapat dilihat dalam contoh di berikut, untuk mendapatkan kata dasar, hanya dengan menggugurkan akhiran *-u*. Seterusnya untuk mendapatkan kata kerja **bentuk** *-masu*, *-imasu/-imasen* disambung kepada kata dasar.

**Jadual 5.14: Contoh Kumpulan kata kerja I
(Ishii et. al 1995, hlm.10-terjemahan pengkaji)**

makna	kata kerja (bentuk kamus)	kata dasar	bentuk -masu	bentuk -masen
keluarkan	<i>*dasu</i>	<i>das-</i>	<i>dashimasu</i>	<i>dashimassen</i>
sebut	<i>iu</i>	<i>i-</i>	<i>iimasu</i>	<i>imassen</i>
tunggu	<i>*matsu</i>	<i>machi-</i>	<i>machimasu</i>	<i>machimassen</i>
mati	<i>shinu</i>	<i>shin-</i>	<i>shinimasu</i>	<i>shinimassen</i>
terbang	<i>tobu</i>	<i>tob-</i>	<i>tobimasu</i>	<i>tobimassen</i>
baca	<i>yomu</i>	<i>yom-</i>	<i>yomimasu</i>	<i>yomimassen</i>

*Kata kerja yang pengakhirannya *-su* dan *-tsu*, diberikan kata dasarnya masing-masing dengan *-sh* dan *ch*.

Walaupun dalam bilangan kecil terdapat juga kata kerja yang mempunyai pengakhiran *-eru* dan *-iru* tergolong dalam kumpulan kata kerja I sebagaimana yang dapat dilihat dalam contoh berikut;

**Jadual 5.15: Contoh Kumpulan kata kerja I dengan pengakhiran *-eru* dan *-iru*
(Ishii et. al 1995, hlm.11-terjemahan pengkaji)**

makna	kata kerja (bentuk kamus)	kata dasar	bentuk -masu	bentuk -masen
masuk	<i>hairu</i>	<i>hair-</i>	<i>hairimasu</i>	<i>hairimassen</i>
pulang	<i>kaeru</i>	<i>kaer-</i>	<i>kaerimasu</i>	<i>kaerimassen</i>
mengetahui	<i>shiru</i>	<i>shir-</i>	<i>shirimasu</i>	<i>shirimassen</i>

Kekeliruan juga berlaku apabila terdapat dua kata kerja yang sama ejaannya tetapi mempunyai makna yang berbeza. Contohnya kata kerja *kiru*, bermaksud ‘potong’ dan tergolong dalam kata kerja golongan I dengan kata dasarnya adalah *kir*. Sementara itu, satu lagi kata kerja *kiru* dengan makna yang berlainan iaitu ‘memakai’ tergolong dalam kata kerja kumpulan II dengan kata dasarnya adalah *ki*. Situasi yang sama juga berlaku pada kata kerja *kaeru*. Satu membawa maksud ‘pulang’ dan yang satu lagi membawa maksud ‘tukar’. Kata kerja *kaeru* yang bermaksud ‘pulang’ tergolong dalam katakerja

kumpulan I dengan kata dasarnya ialah *kaer*. Sementara kata kerja *kaeru* yang bermaksud ‘tukar’ adalah tergolong dalam kata kerja kumpulan II dengan kata dasarnya *kae*.

b) Kumpulan kata kerja II

Kata kerja dalam kumpulan ini kebanyakan mempunyai pengakhiran *-eru*, *-iru*. Kata dasar dibentuk dengan menggugurkan pengakhiran *-ru*, dan penambahan *-masu/-masen* pada kata dasar pula akan membentuk kata kerja bentuk *-masu*. Berikut adalah contoh kata kerja yang tergolong dalam kata kerja kumpulan II.

**Jadual 5.16: Contoh Kumpulan kata kerja II
(Ishii et. al 1995, hlm.11-terjemahan pengkaji)**

makna	kata kerja (bentuk kamus)	kata dasar	bentuk -masu	bentuk -masen
beri	<i>ageru</i>	<i>age-</i>	<i>agemasu</i>	<i>agemasen</i>
boleh	<i>dekiru</i>	<i>deki-</i>	<i>dekimasu</i>	<i>dekimasen</i>
ada	<i>iru</i>	<i>i-</i>	<i>imasu</i>	<i>imasen</i>
berfikir	<i>kangaeru</i>	<i>kangae-</i>	<i>kangaemasu</i>	<i>kangaemasen</i>
lihat	<i>miru</i>	<i>mi-</i>	<i>mimasu</i>	<i>mimasen</i>
makan	<i>teberu</i>	<i>tabe-</i>	<i>tabemasu</i>	<i>tabemasen</i>

c) Kumpulan kata kerja III

Kata kerja dalam kumpulan ini hanya terdiri daripada dua kata kerja sahaja iaitu *kuru* yang bermaksud ‘datang’ dan *suru* yang bermaksud ‘lakukan’. Kata kerja dalam kumpulan ini ialah kata kerja yang tidak mengikut peraturan pertukaran konjugasi.

5.5 KONJUGASI ASAS KATA KERJA BAHASA

5.5.1. Konjugasi Kata Kerja Bahasa oleh Thaiyibah dan Kami (1997)

Bentuk konjugasi kata kerja dalam BJ adalah berdasarkan kegunaan dan maksudnya di dalam ayat. Setiap daripada bentuk konjugasi ini mempunyai fungsi-fungsinya yang tertentu. Berikut adalah bentuk-bentuk konjugasi yang disenaraikan oleh Thaiyibah dan Kami (1997, hlm. 95-106);

- a) bentuk *masu* (連用形 *renyoukei*)
- b) bentuk *kamus* (終止形 *shuushikei*)
- c) bentuk *te* (音便形 *onbinkei*)
- d) bentuk *ta* (音便形 *onbinkei*)
- e) bentuk *nai* (未然形 *mizenkei*)
- f) bentuk *ba* (假定形 *kateikei*)
- g) bentuk perintah (命令形 *meireikei*)
- h) bentuk *ou/you* (意向形 *ikoukei*)

Seterusnya diterangkan kegunaan dan fungsi bentuk-bentuk konjugasi ini berdasarkan penerangan oleh Thaiyibah dan Kami (1997, hlm. 95-106):

a) Bentuk *-masu* (*-masukei*)

Bentuk ini disebut 連用形 *renyoukei* dalam BJ. Bentuk ini turut disebut sebagai ‘bentuk lanjutan’, ‘bentuk hubungan’ atau ‘bentuk pertukaran kepada kata nama’. Bentuk *-masu* ini merupakan bentuk sopan yang digunakan dalam keadaan formal. Salah satu daripada kegunaan bentuk *-masu* ialah untuk membentuk kata kerja majmuk, dimana bentuk *pra-masu* digabungkan dengan kata kerja yang lain, seperti contoh berikut;


泣きます *nakimasu* (menangis) + 始めます *hajimemasu* (bermula)

→ 泣き始めます *yomihajimemasu* (mula menangis)

Kata kerja bentuk *-masu* juga digabungkan dengan kata kerja bantu *-tai*, *-tagaru*, *-sou da* dan partikel *ni*, *-nagara* untuk memberi fungsi berlainan.

b) Bentuk kamus (*jishokei*)

Bentuk ini dikenali sebagai bentuk kamus kerana perkataan-perkataan kata kerja dalam kamus disenaraikan mengikut bentuk ini. Oleh kerana dalam BJ, bentuk ini digunakan sebagai penamat bagi ayat bentuk biasa, bentuk ini dikenali sebagai 終止形 *shuushikei* yang bermaksud ‘bentuk penamat’. Kata kerja bentuk ini juga disebut sebagai 連体形 *rentaikei* kerana kata kerja bentuk ini juga digunakan sebagai penerang kata nama. Kata kerja bentuk kamus juga sering kali digabungkan dengan kata kerja bantu seperti *-soo da* –そうだ, *-yoo da* –ようだ, *-rashii* らしい, dan *to* と, *na* な, *ka* か (*dou ka* どうか), *kara* から, *keredo* けれど, *no* の, *no ni* のに, *no de* ので dan sebagainya. Penggunaan kata kerja bentuk kamus untuk menerangkan kala adalah seperti gambarah berikut berikut;



Gambarajah 5.1 : Kata kerja bentuk kamus yang menerangkan kala.

Contoh;

祖父は毎日家の近くでジョギングをする。
Sofu wa mainichi uchi no chikaku no kouen de jogingu o suru.

Setiap hari datuk berjoging di taman berhampiran rumah.

Contoh di atas menunjukkan kata kerja bentuk kamus untuk menerangkan kala perbuatan yang berlaku berulang kali.

c) Bentuk *te* (-*tekei*)

Bentuk ini merupakan penambahan partikel *-te* kepada kata kerja bentuk 連用形 *renyoukei*. Apabila perkataan kata kerja kumpulan 1 ditukarkan kepada bentuk *-te* kebanyakan daripada bunyinya akan berubah. Ini disebut sebagai 音便形 *onbinkei* dalam BJ. Kata kerja bentuk *-te* banyak kegunaannya. Bentuk *-te* biasanya digunakan untuk menghubungkan ayat bagi menerangkan berbagai maksud seperti contoh berikut;

毎晩勉強をして、テレビを見て、十一時半に寝ます。
Maiban benkyou o shite, terebi o mite, juuichi ji han ni nemasu.

(Pada setiap malam selepas saya belajar, menonton televisyen dan tidur pada jam 11 setengah malam).

Bentuk *-te* dalam ayat di atas menerangkan perlakuan yang berturut-turut.

d) Bentuk *ta* (-*takei*)

Bentuk ini terhasil dengan penambahan kata kerja bantu *-ta* kepada kata kerja bentuk 連用形 *renyoukei*. Oleh kerana apabila perkataan kata kerja kumpulan 1 ditukarkan kepada bentuk *-ta* bunyinya akan berubah, ia juga dikenali sebagai 音便形 *onbinkei* dalam BJ. Dua kegunaan bentuk *-ta* yang mempunyai hubungan dengan kala dan aspek, iaitu untuk menunjukkan (1) kala lampau (2) i) kala lampau sempurna, ii) kala kini sempurna dan iii) kala depan sempurna.

Contoh kata kerja bentuk *-ta* yang menunjukkan kala lampau seperti berikut;

父にもらったお金を全部使ってしまった。
Chichi ni moratta okane o zenbu tsukatte shimatta.

Kesemua duit yang diterima daripada ayah telah saya gunakan.

e) Bentuk *nai* (-*naikei*)

Bentuk yang dikenali sebagai 未然形 (*mizenkei*) yang bermaksud ‘masih belum’. Ia disebut sebagai ない形 (-*naikei*) atau bentuk negatif kerana perkataan kata kerja bentuk ini diikuti oleh ない (-*nai*). Kata kerja bentuk *nai* adalah merupakan bentuk negatif bagi bentuk kamus (termasuk bentuk 連体形 *rentaikei*).

Contoh;

止めない。 *yamenai*.

Tidak boleh berhenti.

f) Bentuk *ba* (-*bakei*)

Bentuk ini dikenali sebagai 仮定形 *kateikei* atau bentuk andaian. Kata kerja bentuk –*ba* ini membawa maksud ‘kalau’, ‘sekiranya’ atau ‘jika’.

Contoh;

時間があったら、田舎へ帰る。 *Jikan ga attara, inaka e kaerimasu*.

Sekiranya ada masa, saya akan balik kampung.

g) Bentuk perintah (*meireikei*)

Bentuk perintah yang amat kasar ini disebut sebagai 命令形 *meireikei*. Biasanya digunaka apabila seseorang itu berkeadaan marah. Dalam keadaan biasa ia jarang digunakan. Sekiranya ia digunakan di antara kawan-kawan rapat (lelaki), partikel –*yo* digunakan di akhir ayat bertujuan melembutkan perintah atau arahan itu. Bentuk ini biasanya digunakan untuk tanda lalulintas, sewaktu latihan di padang atau semasa bersorak untuk menaikkan semangat orang yang sedang dalam pertandingan. Bentuk ini juga digunakan dalam cakap ajuk semasa menyampaikan permintaan yang berupa paksaan.

Contoh;

家へ帰れ。 Uchi e **kaere**.

Balik ke rumah!

h) Bentuk *ou/you (-youkei)*

Kemahuan, ajakan dan dugaan diterangkan dengan kata kerja bentuk 意向形 *ikoukei*.

Kata kerja bentuk *-ou/you* ini diikuti oleh kata kerja bantu *-ou* atau *-you*.

Kata kerja bentuk *-ou/you* boleh membawa maksud ‘Saya akan (lakukan sesuatu)’, ‘Marilah (lakukan sesuatu)’, ‘Mahukah (lakukan sesuatu)?’, ‘Agaknya....’ atau ‘Mungkin...’. Kesemua maksud ini bergantung kepada situasi di mana ia digunakan.

Contoh;

映画を見ましょう。 *Eiga o mimashou*.

Mari tengok wayang

Berdasarkan penggolongan kata kerja di atas, penggolongan kata kerja dalam kajian ini berdasarkan rangka penggolongan kata kerja oleh Thaiyibah dan Kami (1997) yang disenaraikan dalam buku *Nahu Bahasa Jepun* iaitu kata kerja bentuk negatif (*nai*), bentuk sopan (*masu*), bentuk kamus, bentuk andaian (*ba*), bentuk kecenderungan (*u/you*), bentuk (*te*), bentuk (*tai*), dan bentuk (*rentaikei*) iaitu bentuk penerang kata nama. Penggolongan kata kerja ini lebih ringkas dan mudah difahami serta sering digunakan dalam buku-buku teks bahasa Jepun untuk pelajar-pelajar asing. Sementelah lagi penerangan yang diberi berserta dengan contoh-contoh yang banyak di samping perbandingan yang dibuat dengan kata kerja bahasa Melayu memudahkan lagi proses kefahaman.

Contoh penggolongan kata kerja untuk kata kerja Kumpulan I *yomu* (baca) diringkaskan oleh pengkaji sebagaimana yang dapat dilihat dalam Jadual 5.17.

Jadual 5.17 : Penggolongan Kata kerja oleh Thaiyyibah dan Kami (1997)

Bentuk	Fungsi	Kata Kerja
bentuk ' <i>nai</i> ' (<i>mizenkei</i>)	perkataan kata kerja bentuk ini diikuti oleh ' <i>nai</i> ' dan merupakan bentuk negatif bagi bentuk kamus.	<i>yomanai</i>
bentuk ' <i>masu</i> ' (<i>renyoukei</i>)	merupakan bentuk sopan yang digunakan dalam keadaan formal.	<i>yomimasu</i>
bentuk kamus (<i>shuushikei</i>)	perkataan –perkataan kata kerja dalam kamus di senaraikan mengikut bentuk ini	<i>yomu</i>
bentuk ' <i>ba</i> ' (<i>kateikee</i>)	merupakan bentuk andaian yang membawa erti 'kalau' atau 'sekiranya'. Perkataan kata kerja bentuk andaian ini diikuti oleh partikel ' <i>ba</i> '	<i>yomeba</i>
bentuk ' <i>ou/you</i> ' (<i>ikookei</i>)	bentuk ini menerangkan kemahuan, ajakan dan dugaan dimana kata kerja ini diakhiri dengan kata bantu ' <i>u/yoo</i> '	<i>yomou</i>
bentuk ' <i>te</i> ' (<i>onbinkee</i>)	merupakan bentuk yang terhasil dengan penambahan partikel ' <i>te</i> ' pada kata kerja tersebut dan juga salah satu daripada golongan kata kerja <i>renyoukei</i> .	<i>yonde</i>
bentuk ' <i>ta</i> ' (<i>onbinkei</i>)	menambah kata kerja bantu ' <i>ta</i> ' kepada kata kerja bentuk <i>renyoukei</i> yang membawa makna kala lampau.	<i>yonda</i>
bentuk perintah (<i>meereiikee</i>)	merupakan bentuk perintah yang sangat keras.	<i>yome</i>

5.5.2 Konjugasi Kata Kerja Bahasa oleh Ishii et. al (1995)

Ishii et. al (1995, hlm.12-24), turut menghuraikan kategori konjugasi berdasarkan kegunaan dan fungsi. Kategori konjugasi yang dihuraikan adalah seperti di bawah;

- a. bentuk kamus (dictionary form)
- b. bentuk *-masu* (-masu form)
- c. bentuk perintah (imperative form)
- d. bentuk *-te* (-te form)
- e. bentuk bersyarat (conditional form)
- f. bentuk andaian (presumptive form)
- g. bentuk kecenderungan (volitional form)
- h. bentuk kebolehan (potential form)
- i. bentuk pasif (passive form)
- j. bentuk penyebab
- k. bentuk penyebab pasif

Jadual berikut menerangkan bentuk konjugasi kata kerja, kegunaan dan contoh kata kerja yang telah dikonjugasikan mengikut kumpulan kata kerja;

Jadual 5.18 : Contoh konjugasi kata kerja Kumpulan 1 洗う *arau*

Bentuk Konjugasi	Kegunaan	Makna	Kata kerja
bentuk kamus	Selain tersenarai dalam kamus, Ia digunakan dalam percakapan seharian dikalangan ahli keluarga, rakan dan mereka yang mempunyai hubungan rapat.	membasuh	洗う <i>arau</i>
bentuk <i>-masu</i>	Merupakan bentuk kata kerja yang digunakan dalam percakapan formal. I dikenali juga sebagai bentuk sopan.	membasuh	洗います <i>araimasu</i>
bentuk perintah	Bentuk perintah daripada orang atasan kepada orang bawahan.	basuh!	洗え <i>arae</i>
bentuk <i>-te</i>	bentuk <i>-te</i> dalam BJ menyerupai gerund dalam BI. Bentuk- <i>te</i> mempunyai banyak kegunaan apabila di gabung dengan kata kerja bantu.	basuh dan..	洗って <i>aratte</i>
bentuk bersyarat	Apabila sesuatu perbuatan itu diikuti dengan klausa bersyarat.	sekiranya basuh	洗えば <i>araeba</i>
bentuk andaian	Menunjukkan sesuatu perkara itu akan berlaku.	akan basuh	洗うだろう <i>araudarou</i>
bentuk kecenderungan	Secara kebiasaannya bentuk ini tidak digunakan.	ingin basuh	洗おう <i>araou</i>
bentuk kebolehan	Menyatakan kemungkinan atau kemampuan dalam sesuatu perbuatan	boleh basuh	洗える <i>araeru</i>
bentuk pasif	Menyampaikan idea bahawa ada sesuatu yang dilakukan kepada kita dan telah memberi kesan kepada kita.	dibasuhkan oleh	洗われる <i>arawareru</i>
bentuk penyebab	Menyampaikan idea untuk membuatkan seseorang melakukan sesuatu.	disuruh basuh	洗わせる <i>arawaseru</i>
bentuk penyebab pasif	Menyampaikan idea bahawa seseorang telah menyebabkan kita melakukan sesuatu dan telah memberi kesan kepada kita.	suruh dibasuhkan oleh..	洗わされる <i>arawasareru</i>

Jadual 5.19: Contoh konjugasi kata kerja Kumpulan I1 降りる *oriru*

Bentuk Konjugasi	Kegunaan	Makna	Kata kerja
bentuk kamus	Selain tersenarai dalam kamus, Ia digunakan dalam percakapan seharian dikalangan ahli keluarga, rakan dan mereka yang mempunyai hubungan rapat.	turun	降りる <i>oriru</i>
bentuk –masu	Merupakan bentuk kata kerja yang digunakan dalam percakapan formal. I dikenali juga sebagai bentuk sopan.	turun	降ります <i>orimasu</i>
bentuk perintah	Bentuk perintah daripada orang atasan kepada orang bawahan.	turun!	降りろ <i>oriro</i>
bentuk –te	bentuk –te dalam BJ menyerupai <i>gerund</i> dalam BI. Bentuk-te mempunyai banyak kegunaan apabila di gabung dengan kata kerja bantu.	turun dan..	降りて <i>orite</i>
bentuk bersyarat	Apabila sesuatu perbuatan itu diikuti dengan klausa bersyarat.	sekiranya turun	降りれば <i>orireba</i>
bentuk andaian	Menunjukkan sesuatu perkara itu akan berlaku.	akan turun	降りるだろう <i>orirudarou</i>
bentuk kecenderungan	Secara kebiasaannya bentuk ini tidak digunakan.	ingin turun	降りよう <i>oriyou</i>
bentuk kebolehan	Menyatakan kemungkinan atau kemampuan dalam sesuatu perbuatan	boleh turun	降りられる <i>orirareru</i>
bentuk pasif	Menyampaikan idea bahawa ada sesuatu yang dilakukan kepada kita dan telah memberi kesan kepada kita.	diturunkan oleh	降りられる <i>orirareru</i>
bentuk penyebab	Menyampaikan idea untuk membuatkan seseorang melakukan sesuatu.	disuruh turun	降りさせる <i>orisaseru</i>
bentuk penyebab pasif	Menyampaikan idea bahawa seseorang telah menyebabkan kita melakukan sesuatu dan telah memberi kesan kepada kita.	suruh diturunkan oleh..	降りさせられる <i>orisaserareru</i>

Jadual 5.20: Contoh konjugasi kata kerja Kumpulan I1I 来る *kuru*

Bentuk Konjugasi	Kegunaan	Makna	Kata kerja
bentuk kamus	Selain tersenarai dalam kamus, Ia digunakan dalam percakapan seharian dikalangan ahli keluarga, rakan dan mereka yang mempunyai hubungan rapat.	datang	来る kuru
bentuk –masu	Merupakan bentuk kata kerja yang digunakan dalam percakapan formal. I dikenali juga sebagai bentuk sopan.	datang	来ます kimasu
bentuk perintah	Bentuk perintah daripada orang atasan kepada orang bawahan.	datang!	来い koi
bentuk –te	bentuk –te dalam BJ menyerupai gerund dalam BI. Bentuk-te mempunyai banyak kegunaan apabila di gabung dengan kata kerja bantu.	dating dan..	来て kite
bentuk bersyarat	Apabila sesuatu perbuatan itu diikuti dengan klausa bersyarat.	sekiranya datang	来れば kureba
bentuk andaian	Menunjukkan sesuatu perkara itu akan berlaku.	akan datang	来るだろう kurudarou
bentuk kecenderungan	Secara kebiasaannya bentuk ini tidak digunakan.	ingin datang	来よう kuyou
bentuk kebolehan	Menyatakan kemungkinan atau kemampuan dalam sesuatu perbuatan	boleh datang	来られる kurareru
bentuk pasif	Menyampaikan idea bahawa ada sesuatu yang dilakukan kepada kita dan telah memberi kesan kepada kita.	didatangkan oleh	来られる kurareru
bentuk penyebab	Menyampaikan idea untuk membuatkan seseorang melakukan sesuatu.	disuruh datang	来させる kisaseru
bentuk penyebab pasif	Menyampaikan idea bahawa seseorang telah menyebabkan kita melakukan sesuatu dan telah memberi kesan kepada kita.	suruh didatangkan oleh..	来させられる kisaserareru

Bahagian yang bertulisan tebal adalah bahagian yang dikonjugasikan pada setiap kumpulan kata kerja.

5.6 KESIMPULAN

Bab ini menghuraikan tentang kata kerja BJ sama ada dari aspek gramatisnya mahupun jenis-jenis kata transitif dan tak transitif. Penggolongan kata kerja BJ turut mengaitkan jenis-jenis konjugasinya. Bentuk konjugasi BJ bertukar menurut sama ada ayat itu berterusan atau berakhir. Sekiranya ayat itu berterusan, bentuk konjugasinya bertukar menurut perkataan yang menyusulinya.

Konjugasi sebenarnya amat penting dalam sistem kata kerja BJ. Konjugasi bukan sahaja berlaku berdasarkan fungsi dan penggunaannya dalam konteks ayat, malahan terdapat juga konjugasi yang berlaku berdasarkan taraf sosial atau hubungan sosial antara seseorang individu dan kumpulan masyarakat tertentu. Oleh kerana itu, konjugasi pada kata kerja BJ merupakan salah satu perkara yang sukar untuk dikuasai dalam pembelajaran BJ.